

## AKHBAR : HARIAN METRO

**Shah Alam:** Seramai 5,834 pengusaha judi haram di Selangor sudah dikenakan tindakan dalam tempoh 2015 sehingga Jun tahun ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baharu Ean Yong Hian Wah berkata, kerajaan negeri serius untuk menangani isu lambakan premis judi haram dan akan terus bekerjasama dengan polis bagi memben-

## 5,834 pengusaha judi dikenakan tindakan

dung perkara berkenaan.

"Tahun lalu, 4,541 pengusaha premis judi haram sudah diambil tindakan men-  
erusi operasi yang dilakukan pihak berkuasa.

"Seramai 1,293 pengusaha judi haram di seluruh negeri dari Januari hingga Jun tahun ini juga sudah diambil tindakan," katanya

ketika menjawab soalan Datuk Johan Abdul Aziz (BN-Semenyih) dalam Sidang Dewan Negeri Selangor, semalam.

Johan bertanyakan mengenai jumlah terkini premis mesin judi yang berlesen dan bilangan pengusaha mesin judi haram yang sudah dikenakan tindakan.

Dalam pada itu, Hian Wah berkata, sebanyak 21 premis judi berlesen masih beroperasi di negeri ini.

### FAKTA

21 premis judi berlesen masih beroperasi di negeri ini